

KOPERASI QARIAH MASJID JAMEK TASEK GELUGOR BERHAD

[Bil.Daftar : P-3-0550 , Ruj : SKM.IP(PEND)P-537/(1)]
Masjid Jamek Tasek Gelugor , 13300, Tasek Gelugor,
Seberang Perai , Pulau Pinang.
kopmasjid.tasekgelugor@gmail.com

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI.

PENDAHULUAN.

Dengan sukacitanya kami bagi pihak anggota lembaga koperasi Qariah Masjid Jamek Tasek Gelugor Berhad , membentangkan laporan kegiatan kegiatan koperasi serta pengurusannya .

PENGELOLAAN KOPERASI.

Mengikut peruntukan Akta 42 (a) , hendaklah terserah kepada satu lembaga yang mengandungi dua belas (12) orang yang dipilih dalam mesyuarat agung ,bagi pengelolaan hal ehwal koperasi.

Mesyuarat agung tahunan Bil.2/2023 yang telah diadakan pada hb Mei 2023 telah memilih semula anggota anggota berikut sebagai anggota lembaga koperasi bagi sesi 2023/2024;

No. Anggota	Nama
0014	Ust Mohd Nazeri Bin Jusoh
0015	Dato' Ibrahim Bin Romli
0070	Md Rafdi Bin Mohammad
0072	Pakhararradzi Bin Mahamud
0071	Rosli Bin Mahamood
0001	Abdul Ghoni Bin Dali
0064	Zukri Bin Ahmad
0065	Zainal Abidin Bin Yahaya
0028	Mohd Ali Bin Abdullah
0047	Nor Hisham Bin Muhammad
0019	Ust Khairol Annuar Bin Musa
0039	Murshid Bin Ismail

Lantikan jawatan pengerusi , timbalan pengerusi , bendahari dan setiausaha koperasi yang telah di buat semasa mesyuarat ALK ada lah seperti berikut ;

1) Pengerusi koperasi , Ust Mhairol Annuar Bin Musa.

- 2) Timbalan Pengerusi koperasi , Ust Mohd Nazeri Bin Jusoh.
- 3) Bendahari koperasi , Zukri Bin Ahmad.
- 4) Setiausaha koperasi , Md Rafdi Bin Mohammad.

JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BIL.2/2023 .

Mematuhi kehendak undang undang kecil koperasi , mesyuarat agung tahunan Bil.1/2022 telah melantik 10 orang anggota bagi menganggotai Jawatankuasa ini ;

No Anggota	Nama
0014	Ust Mohd Nazeri Bin Jusoh
0015	Dato' Ibrahim Bin Romli
0070	Md Rafdi Bin Mohammad
0020	Mansor Bin Abdullah
0071	Rosli Bin Mahamood
0001	Abdul Ghoni Bin Dali
0064	Zukri Bin Ahmad
0065	Zainal Abidin Bin Yahaya
0028	Mohd Ali Bin Abdullah
0047	Nor Hisham Bin Muhammad

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN.

Mengikut seksyen 42A(1) Akta koperasi 1993 (Pindaan 2007), Jawatan kuasa audit dalaman hendaklah terdiri tidak kurang daripada 3 orang dan tidak lebih daripada 5 orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga. Anggota berikut telah dilantik semula sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tempoh 1 tahun lagi ;

- 1) Mohd Rizalmee Bin Udin (Ketua juruaudit).
- 2) Mohamad Ridhuan Bin Mokhtar.
- 3) Norhaizanizam Bin Ishak .

PERLANTIKAN JURUAUDIT LUAR BERTAULIAH.

Disebabkan kedudukan kewangan koperasi masih lagi tidak kukuh dan pada masa yang sama untuk memastikan koperasi mematuhi peruntukan undang undang kecil dan Akta koperasi , bantuan dari SKM telah di pohon bagi melaksanakan kerja kerja audit yang diperlukan. Urusan kerja kerja pengauditan telah dilaksanakan SKM sebagai juruaudit luar yang diterima pakai oleh lembaga..

Penyata kewangan koperasi bagi tahun kewangan berakhir Jan 2024 telah dikeluarkan SKM. Laporan hasil audit telah dikeluarkan SKM dan telah mematuhi peruntukan Akta seperti yang dikehendaki.

LANTIKAN PEMEREKSA KIRA KIRA KOPERASI.

Anggota koperasi berikut telah dilantik semula sebagai pemeriksa kira kira koperasi ;

- 1) Anggota No. 0003 , Abdul Rashid Bin Said
- 2) Anggota No. 0053 , R Azmi Bin Md Yussof.

MESYUARAT MESYUARAT .

Mesyuarat mesyuarat yang diadakan sepanjang tempoh sesi tahun 2023/2024 adalah seperti berikut ;

- 1)Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (Biasa)
- 2)Mesyuarat Khas Anggota Lembaga Koperasi

ANGGOTA LEMBAGA PERNAH TERLIBAT DALAM BENGKEL , LATIHAN DAN MAJLIS BERIKUT.

- 1) Bengkel Pembanggunan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid.
- 2) Bengkel Program SKM/ANGKASA - Memperkasa Sektor Peruncitan.
- 3) Bengkel Pematuhann Syariah.
- 4) Kursus Pengurusan & Pentadbiran Koperasi oleh IKMa.
- 5) Bengkel Konsaltasi Perakaunan Koperasi -Bilik Gerakan SKM P.P.
- 6) Prigram Hi-Tea & Libat Urus Koperasi Kariah , Pulau Pinang.
- 7) Program Pemantapan Gerakan Koperasi Negeri Pulau Pinang tahun 2023.
- 8) Program Asas Forensik Runcit anjuran IKMa Utara ,SKM & ANGKASA Pulau Pinang.
- 9) Kursus Wajib 3 - Pengurusan Strategik Koperasi anjuran IKMa Zon Utara.
- 10) Bengkil Pemerksaan Perniagaan Koperasi Kariah Masjid 2023 anjuran ANGKASA.

AKTIVITI KOPERASI.

- 1) Koperasi terlibat dengan sewaan tapak perniagaan seperti berikut ;
 - A) Tapak dan kabin pejabat Katering Sajian Enak
 - B) Sewaan kedai jualan Char Koay Teow.
 - C) Sewaan tapak parking lori ais.

- D) Sewaan tapak Car Wash.
- E) Sewaan tapak vending machine makanan ringan.

2) Pernah terlibat dalam bekalan jamuan makan majlis dimasjid;

A) Program Malaysia QuranHour.

B) Program bersama Tan Sri Dzulkifli Bin Ahmad

3) Pernah membekal Hadiah hadiah bagi majlis Maulidul Rasul anjuran Masjid .

Pembekalan hadiah hadiah hember makanan bagi acara yang di sertai Jemaah dan hadiah hadiah hember alat tulis bagi acara pertandingan yang disertai kanak kanak.

4) Bekalan Barang Barang Program Kongsi Rezeki anjuran Masjid.

Membekal kan barang asas bagi menampung keperluan lebih kuran 100 keluarga di bawah qariah Masjid secara bulanan. Bermula dengan RM 30.00 harga sebakul barang makanan asas sekeluarga pada tahun 2022 , telah dinaikkan kepada RM 50.00 harga sebakul barang makanan asas sekeluarga sekarang. Menjadi ahli JimatBiz ANGKASA , bagi mendapat harga gudang barang barang asas makanan. Koperasi telah berjaya memperolehi Lesen Jualan Barang Barang Runcit berjadual seperti Gula, Minyak Masak , tepung gandum yang dapat memenuhi keperluan aktiviti utama koperasi dalam pembelian dan pembekalan bahan bahan asas kepada masjid.

5) Menganggotai Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad ,(No ahli 0058) bermula pada 14 hb Sept 2022 dengan saham pelaburan RM1000.00.

6) Menguruskan kerja kerja Mewakaf Banggunan Kedai 2 Tingkat bagi manfaat Masjid.

Urusan tukar hak milik dari pemaju serta kebenaran pindah milik kepada Wakaf Pulau Pinag dari PTG telah berjaya dilaksanakan dan sedang menunggu urusan pendaftaran Wakaf dengan pejabat Wakaf Pulau Pinang.

7) Penubuhan Pusat Aktiviti Koperasi.

Dengan bantuan Masjid dan bantuan dari Coop Grant 2030 Pulau Pinang , Pusat Aktiviti Koperasi berjaya di bina dengan jayanya . Tiga biji kabin pejabat telah dibeli dan digunakan sebagai pejabat koperasi dan store barangan serta pusat pengumpulan / memprocess barangan Asas program Kongsi rezeki Masjid. Setakat ini kesemua kabin dipusat aktiviti koperasi ini digunakan sepenuhnya.

PENGILIRAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI.

Tempoh memegang jawatan “ Satu Pertiga (1/3) daripada bilangan Anggota Lembaga yang dipilih menurut Seksyen 42 Akta Fasa (1) perenggan (d) , hendaklah mengikut peraturan , mengosongkan jawatan mereka secara bergilir gilir pada tiap tiap mesyuarat agung tahunan . Mana mana anggota yang mengosongkan jawatan dibawah Akta ini boleh dilantik semula “

ALK berikut telah digugurkan pada mesyuarat agong Bil 02/2023 , tetapi telah dilantik semula ; Ust Khairol Annuar Bin Musa (Pengerusi) , Md Rafdi Bin Mohammad (Setiausaha) , Zukri Bin Ahmad (Bendahari) dan Murshid Bin Ismail.

Cadangan penggiliran Nama ALK yang hendak mengosongkan/digugurkan pada mesyuarat agung Bil . 03/2024 ini adalah ;

- 1) Abdul Ghoni Bin Dali
- 2) Ust Mohd Nazeri Bin Jusoh
- 3) Dato' Ibrahim Bin Romli
- 4) Mohd Ali Bin Abdullah

PENGHARGAAN.

Anggota Lembaga Koperasi ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang , ANGKASA Pusat dan Negeri Pulau Pinang , Pejabat Wakaf Negeri Pulau Pinang , serta semua anggota dan AJK Masjid yang memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dan kerjasama untuk melancarkan perjalanan urusan koperasi disamping membangaunkan koperasi ini . Semoga kerjasama yang diberikan akan berterusan demi memajukan serta memantapkan lagi koperasi dimasa hadapan.

Laporan disediakan bagi pihak Anggota Lembaga oleh ,

Md Rafdi Bin Mohammad
Setiausaha,
Koperasi Qariah Masjid Jamek Tasek Gelugor Berhad.